

PANDUAN & PERATURAN AM
PELAJAR
POLITEKNIK PORT DICKSON

MUHAMAD ZAHARI TASLIM
AZHAR ROSTANI
NOORHAFIZ BIN KANAFI



PANDUAN & PERATURAN AM PELAJAR POLITEKNIK PORT DICKSON

Muhamad Zahari Taslim, 1983-

PANDUAN & PERATURAN AM PELAJAR POLITEKNIK PORT DICKSON /
MUHAMAD ZAHARI BIN TASLIM, AZHAR BIN ROSTANI, NOORHAFIZ BIN KANAFI.

Mode of access: Internet.

eISBN 978-967-2897-69-9

1. Politeknik Port Dickson--Handbooks manual, etc.
2. Student affairs administrators--Malaysia--Handbooks, manuals, etc.
3. Student etiquette--Malaysia--Handbooks, manuals, etc.
4. Students--Malaysia--Handbooks, manuals, etc.
5. Government publications--Malaysia
6. Electronic books.

I. Azhar Rostani, 1974-. II. Noorhafiz Kanafi, 1980-.

III. Judul.

378.1609595117

Terbitan Pertama 2020

Terbitan Kedua 2022

Hak Cipta Terpelihara

Hak cipta buku ini adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Politeknik Port Dickson terlebih dahulu.

Had Liabiliti

Penerbit dan penulis telah sedaya upaya berusaha untuk memastikan ketepatan dan mutu terbitan yang dihasilkan. Buku ini hanya terpakai khusus kepada semua pelajar Politeknik Port Dickson sahaja.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Politeknik Port Dickson

KM 14, Jalan Pantai 71050, Si Rusa

Port Dickson, Negeri Sembilan

No. Tel : 06-6622036

No. Faks: 06-6622027

Emel: jhep@polipd.edu.my

Oktober 2022

Penghargaan

PENAUNG

Dr. Ishak bin Mohamad

Pengarah, Politeknik Port Dickson

PENASIHAT

Razali bin Bakri

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)

Politeknik Port Dickson

Azhar bin Rostani

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Politeknik Port Dickson

EDITOR

Nor Ridzuan bin Hashim

Pegawai Kebajikan dan Disiplin

PENYELARAS

Nor Ridzuan bin Hashim

PENULIS

Muhamad Zahari bin Taslim

Azhar bin Rostani

Noorhafiz bin Kanafi

PEREKA GRAFIK

Noorain binti Ithnin

Prakata

Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar Politeknik Edisi 2022 ini telah disediakan dan dikemaskini oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Port Dickson khusus kepada semua pelajar Politeknik Port Dickson. Buku ini merupakan salah satu medium penting dalam membuat hebahan dan menyampaikan maklumat penting yang perlu diketahui oleh para pelajar berkenaan panduan serta peraturan yang perlu dipatuhi pelajar sepanjang tempoh pengajian di Politeknik Port Dickson.

Panduan dan peraturan yang terkandung dalam buku panduan ini termasuklah apa-apa panduan dan peraturan yang dibuat dari semasa ke semasa serta apa-apa kaedah atau peraturan lain yang bersifat am atau khusus yang dikeluarkan oleh Politeknik Port Dickson atau mana-mana pihak berkuasa dari semasa ke semasa adalah terpakai kepada semua pelajar sepanjang tempoh pengajian di Politeknik Port Dickson.

Semoga buku ini dijadikan panduan dan rujukan kepada seluruh pelajar Politeknik Port Dickson dalam melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik malah mempunyai personaliti, akhlak dan sahsisah yang baik.

MUHAMAD ZAHARI BIN TASLIM
AZHAR BIN ROSTANI
NOORHAFIZ BIN KANAFI

Isi Kandungan

- 1** Panduan Pendaftaran Pelajar Senior
- 4** Bantuan Kewangan
- 5** Kad Pelajar
- 6** Rupa Diri
- 10** Peraturan Menghadiri Kuliah/Bengkel
- 11** Kebersihan dan Kemudahan
- 11** Vandalisme / Harta benda
- 12** Penglibatan Pelajar Dalam Persatuan/
Badan/ Pertubuhan/ Kumpulan dan
Parti Politik

12

Bahan-bahan Lucah, Dadah, Racun,
Mabuk dan Berjudi

13

Gangguan Ketenteraman

13

Jemputan Penceramah Luar

14

Larangan Merokok/ Rokok Elektronik
(Vape)/ Bersamaan

14

Kesalahan-Kesalahan yang Boleh
Mengakibatkan Penggantungan/
Pembuangan Pelajar dari Politeknik

17

Berkempen

17

Aktiviti Sosial, Perhimpunan, Taklimat
dan Ceramah

18

Peraturan Kamsis/ Asrama

- 33** Peraturan Pelajar Luar Kamsis
- 34** Panduan Penggunaan Kenderaan dan Peraturan Lalulintas
- 36** Peraturan Perpustakaan
- 38** Hal-hal lain
- 39** Pematuhan SOP Kawalan Penyakit Berjangkit
- 36** Peraturan Am Pemilik Basikal
- 42** Pelanggaran Peraturan
- 43** Pembayaran Denda

PANDUAN DAN PERATURAN AM

1.0 PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR

“Pelajar” ialah individu yang mendaftar dengan politeknik untuk mengikuti Program Pengajian yang ditawarkan setelah membayar yuran pengajian dan mendaftar kursus.

“Pendaftaran” di sini membawa maksud melapor diri untuk mengikuti pengajian seterusnya di Politeknik Port Dickson.

Pelajar dikehendaki melapor diri seperti mana yang diarahkan. Kegagalan pelajar mengikuti arahan tersebut adalah merupakan satu kesalahan tatatertib dan boleh di ambil tindakan.

1.1 MAKLUMAT AM

1.1.1 Syarat Pendaftaran Pelajar Senior

Memenuhi satu daripada syarat-syarat berikut:

- a) Mendapat keputusan Kedudukan Baik (KB), Kedudukan Bersyarat (KS)
- b) Mendapat kelulusan penangguhan pengajian bagi semester sebelumnya atau pertukaran program.
- c) Pelajar Gagal Berhenti (GB) tidak perlu mendaftar.
- d) Maklumat lanjut boleh hubungi Unit Pengambilan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Port Dickson.

1.1.2 Makluman Tarikh Pendaftaran

Makluman tarikh pendaftaran akan dimaklumkan melalui laman sesawang <http://www.polipd.edu.my>.

1.1.3 Status Aktif Pelajar Politeknik

a) Status aktif pelajar tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Mendaftarkan sebagai pelajar politeknik untuk mengikuti program pengajian yang ditawarkan pada tarikh yang ditetapkan,
- ii. Menjelaskan yuran pengajian TIDAK lewat dari tarikh yang ditetapkan,
- iii. Mendaftar kursus seperti yang ditetapkan oleh jabatan akademik untuk semester berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

1.2 KEPERLUAN PENDAFTARAN

Semua pelajar baharu dan pelajar senior DIWAJIBKAN mendaftar secara dalam talian melalui laman sesawang <http://spmp.polipd.edu.my> dan mengikut Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu/ Senior yang boleh didapati atau dimuat turun melalui laman sesawang <http://www.polipd.edu.my>.

Pelajar senior dikehendaki membawa perkara-perkara berikut semasa mendaftar:

1.2.1 Satu daripada dokumen asal berikut:

- a) Slip keputusan peperiksaan;
- b) Surat kelulusan penangguhan pengajian; atau Surat kelulusan pertukaran program

1.2.2 Kad Pelajar

1.2.3 Slip bank Untuk yuran pengajian

1.2.4 Slip bank untuk yuran asrama (jika ditawarkan)

1.2.5 Slip bank untuk Bayaran Pelbagai (seperti yang dinyatakan dalam surat panggilan pendaftaran).

1.2.6 Pelajar yang lewat melapor diri sehingga minggu ke-4 tidak akan dibenarkan mendaftar pada semester tersebut kecuali dengan kebenaran Pengarah dan perlu hadir ke JHEP untuk mengisi Borang Daftar Lapor Diri Lewat Pelajar Senior.

1.3 PAKAIAN DAN RUPADIRI SEMASA MELAPOR / MENDAFTAR

Pelajar LELAKI hendaklah berpakaian kemeja dan berseluar slack/khakis yang kemas, bersih dan sopan. Pelajar PEREMPUAN Islam hendaklah berbaju kurung dan diwajibkan menutup aurat mengikut syarak. Pelajar PEREMPUAN BUKAN ISLAM dibenarkan memakai seluar slack/khakis yang tidak ketat dan berbaju kemeja lengan panjang serta rambut hendaklah diikat kemas. Semua jenis pakaian hendaklah tidak mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana - mana bahagian badan.

- 1.3.1 Berkasut hitam/warna gelap bertutup penuh serta berstokin menutup buku lali tidak bercorak.
- 1.3.2 Rambut mestilah kemas. Rambut pelajar lelaki hendaklah pendek. Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi paras dahi.
- 1.3.3 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai topi, baju "T" tanpa kolar, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan semasa mendaftar.

PERINGATAN:

Pelajar-pelajar yang tidak mematuhi peraturan pakaian dan rupa diri seperti yang dinyatakan di atas TIDAK akan didaftarkan.

2.0 BANTUAN KEWANGAN

- 2.1 Politeknik **TIDAK** menyediakan biasiswa atau sebarang bantuan kewangan. Walau bagaimanapun pelajar boleh memohon biasiswa/bantuan kewangan melalui politeknik atau memohon sendiri daripada mana-mana penaja.
- 2.2 Pelajar bertanggungjawab menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alatan pembelajaran, buku dan lain-lain.
- 2.3 Pelajar dinasihatkan supaya berusaha mendapatkan maklumat dan seterusnya (jika layak) memohon biasiswa/pinjaman daripada PTPTN, KPT, KPM (biasiswa sukan/ OKU), FELDA, KUOK, ANGKASA, PERKESO, JPA, Yayasan Negeri masing-masing dan lain-lain badan **sebelum/semasa mendaftar** diri di Politeknik Port Dickson.
- 2.4 Politeknik akan membantu dan memberi kerjasama kepada pelajar untuk mendapatkan biasiswa/pinjaman daripada mana-mana pihak kerajaan atau bukan badan kerajaan.
- 2.5 Pelajar yang layak juga boleh memohon dari Tabung Kebajikan Bekas Perajurit dan Tabung Kebajikan Bekas Polis.
- 2.6 Pelajar digalakkan membawa beberapa salinan fotostat dokumen peribadi yang telah disahkan untuk urusan permohonan biasiswa/pinjaman termasuklah salinan fotostat kad pengenalan dan penyata pendapatan ibu bapa/penjaga.

3.0 KAD PELAJAR

- 3.1 Kad Pelajar **WAJIB** dipakai semasa berada di dalam kampus. Tindakan notis denda terus akan dikenakan jika menghilangkan kad pelajar.
- 3.2 Kad Pelajar mestilah dipakai pada baju/jaket/blazer pada paras dada supaya sentiasa boleh dilihat dengan jelas.
- 3.3 Kad Pelajar mestilah dipakai dengan mempamerkan bahagian gambarnya di hadapan.
- 3.4 Kad Pelajar **TIDAK** boleh diconteng, ditukar butiran/ gambar atau diubahsuai.
- 3.5 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai Kad Pelajar pelajar lain.
- 3.6 Pelajar yang Kad Pelajarnya hilang/rosak/tamat tempoh perlu memohon yang baru kepada Pegawai Hal Ehwal Pelajar dengan bayaran kos gantian yang ditetapkan oleh Politeknik.
- 3.7 Kesalahan diatas boleh dikenakan tindakan notis denda terus **RM50.00** (sebarang rayuan tertakluk kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar).

Undang-Undang Malaysia **AKTA 174**

Kad pelajar

6. Seseorang pelajar hendaklah berpakaian secara sopan atau bersesuaian ketika menghadiri kuliah, tutorial, peperiksaan, kelas, bengkel atau ketika melibatkan diri atau menghadiri apa-apa aktiviti sama ada di dalam atau di luar kampus atau semasa berada di mana-mana bahagian di dalam kampus.

Undang-Undang Malaysia **AKTA 174**

Kad pelajar

25. (2) Tiap-tiap pelajar hendaklah ada Kad Pelajarnya dalam milikannya pada setiap masa di dalam kampus dan hendaklah mengemukakannya apabila dikehendakiberbuat demikian oleh seorang orang berkuasa.
- (3) Seseorang pelajar hendaklah memakai Kad Pelajarnya dengan apa-apa cara, pada bila-bila peristiwa dan pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan, dari semasa ke semasa, oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar.

4.0 RUPA DIRI

Pelajar Islam **DIWAJIBKAN** berpakaian menutup aurat mengikut syarak. Semua pelajar **DILARANG** memakai pakaian “Jeans” dan seluar yang mempunyai potongan seperti “Jeans” sewaktu berada di dalam kampus. Pelajar yang tidak mengikut peraturan ini boleh dikenakan notis denda terus RM50.00 (*sebarang rayuan tertakluk kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar*).


4.1 RUPA DIRI PELAJAR LELAKI

4.1.1 Pakaian ke Kuliah/ Bengkel/ Makmal

- a) Baju kemeja berlengan panjang atau pendek untuk ke kuliah/makmal.
- b) Baju Bengkel untuk ke kelas bengkel.
- c) Baju ‘T-Shirt’ tidak berkolar TIDAK DIBENARKAN untuk ke kuliah/ bengkel/makmal. Baju ‘T-Shirt’ berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucu atau melambangkan mana-mana parti politik dibenarkan dipakai ke kuliah/makmal.
- d) Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in) kecuali baju bengkel dan ‘Smart Jacket’.
- e) Baju hendaklah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
- f) Pemakaian baju kebangsaan rasmi dibenarkan tetapi hendaklah lengkap. Contohnya bersampin, berkasut dan bersongkok hitam. Pemakaian baju tradisional lain untuk ke kuliah perlu mendapatkan kelulusan dari JHEP.
- g) Berseluar “slack” (**pemakaian seluar “jeans” dan bentuk/potongan menyerupai “jeans” tidak dibenarkan**).
- h) Berkasut dan berstokin.
- i) Selipar, terompah, capal dan seumpamanya TIDAK dibenarkan.
- j) Sebarang bentuk perhiasan diri TIDAK dibenarkan.
- k) Pelajar dikehendaki sentiasa berkuku pendek, bersih serta tidak melebihi hujung jari.

4.1.2 Rambut

- a) Rambut hendaklah sentiasa pendek dan kemas. Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi paras dahi.
- b) Rambut berfesyen seperti "*afro*", "*punk*", berekor atau diwarnakan atau terlalu nipis di tepi TIDAK DIBENARKAN.
- c) Menyimpan jambang bagi lelaki dibenarkan tetapi mestilah dalam keadaan kemas dan rapi.



Gambar Rajah 1: Rupa diri pelajar lelaki

4.2 RUPA DIRI PELAJAR PEREMPUAN

4.2.1 Pakaian Ke Kuliah/ Bengkel/ Makmal

- a) Semua Pelajar wanita Islam **DIWAJIBKAN** menutup aurat mengikut syarak.
- b) Pelajar wanita ISLAM **DILARANG** memakai pakaian jenis seluar palazzo ketika berada di dalam kuliah dan urusan rasmi ke pejabat,
- c) Pemakaian seluar dibenarkan untuk ke bengkel/amali serta bersukan/ Ko-kurikulum (seluar sukan/ slack/ khakis yang tidak ketat)

- d) Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** memakai pakaian yang menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan.
- e) Pelajar bukan Muslim **TIDAK DIBENARKAN** memakai “skirt” yang lebih pendek dari paras lutut.
- f) Baju ‘T-Shirt’ tidak berkolar (kolar bulat) **TIDAK DIBENARKAN** untuk ke kuliah/ bengkel / makmal.
- g) Pelajar perempuan **BUKAN ISLAM** dibenarkan memakai kemeja lengan panjang dan berseluar slack yang tidak ketat.
- h) Berseluar yang tidak ketat. Berseluar “slack” (**pemakaian seluar “jeans” dan bentuk/potong menyerupai “jeans” tidak dibenarkan**).
- i) Semua pelajar **DIWAJIBKAN** memakai kasut bertutup penuh dan berstokin (bahagian jari hingga pergelangan kaki) semasa ke kuliah dan majlis rasmi.
- j) Pelajar dikehendaki sentiasa berkuku pendek, bersih serta tidak melebihi hujung jari dan pemakaian inai hanya dibenarkan di jari sahaja.



Gambar Rajah 2: Rupa diri pelajar wanita

4.2.2 Rambut

- a) Rambut hendaklah kemas dan berikat. Rambut berfesyen seperti berekor atau diwarnakan **TIDAK DIBENARKAN**.
- b) Pelajar perempuan muslim **DIWAJIB** bertudung.

4.2.3 Perhiasan

Bagi pelajar wanita, memakai barang kemas **TIDAK** digalakkan. Pelajar lelaki **TIDAK** dibenarkan memakai barang kemas.

4.2.4 Bertatu **TIDAK DIBENARKAN**

4.3 PAKAIAN UNTUK BERSUKAN

- a) Baju *t-shirt round neck* tanpa lengan, ketat, mencolok mata atau mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah, atau melambangkan mana-mana parti politik **TIDAK DIBENARKAN**.
- b) Berseluar track panjang dan menutup aurat bagi muslim.

KEHADIRAN DI KULIAH / AMALI

4. Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri sesuatu kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berhubung dengan kursus pengajiannya, ia hendaklah menghadirinya melainkan jika ia mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Jabatan dan melainkan jika hal keadaan tidak mengizinkan ia untuk mendapatkan kebenaran itu terlebih dahulu dan ada sebab atau alasan yang munasabah kerana tidak hadir, dan dalam hal yang demikian pelajar itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh kemudiannya, memberitahu secara bertulis kepada Ketua Jabatan dengan memuaskan hatinya, sebab ia tidak hadir dan mendapatkan kelulusan secara bertulis mengenainya.

5. (1) Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri latihan amali atau pengajaran lain berhubung dengan kursus pengajiannya, pelajar itu hendaklah menghadiri latihan amali atau pengajaran itu, melainkan jika dia mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Jabatan di mana latihan itu dijalankan dan melainkan jika hal keadaan tidak mengizinkan pelajar itu untuk mendapatkan kebenaran itu terlebih dahulu dan ada sebab atau alasan yang munasabah kerana tidak hadir dan dalam hal yang demikian dia hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh kemudiannya memberikan secara bertulis kepada Ketua Jabatan itu, sebab dia tidak hadir dan mendapatkan kelulusan secara bertulis mengenainya.

(2) Semasa menjalani latihan amali, seseorang pelajar adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan atau arahan tempat di mana latihan itu dijalankan dan juga peraturan-peraturan dan arahan-arahan Institusi.

(3) Jika sekiranya ada apa-apa yang berlawanan atau bercanggahan antara peraturan-peraturan Institusi dengan peraturan-peraturan tempat di mana latihan dijalankan, maka peraturan-peraturan Institusi hendaklah terpakai.

5.0 PERATURAN MENGHADIRI KULIAH/ BENGKEL

Pelajar dikehendaki menghadiri semua kuliah/ bengkel atau lain-lain pengajaran berhubung dengan kursus pengajiannya dan **MESTILAH**:

5.1 Kehadirannya tidak kurang 80%;

5.2 Berada dalam bilik kuliah/ bengkel mengikut jadual yang ditetapkan;

5.3 Mendapat kebenaran Pengarah atau Timbalan Pengarah Akademik untuk tidak hadir/ pelepasan kuliah;

5.4 Memberi alasan bertulis yang munasabah untuk mendapat kelulusan ketidakhadirannya dari pihak politeknik sekiranya perkara 5.3 di atas tidak diperolehi terlebih dahulu.

5.5 Cuti bagi menghadiri kuliah/ bengkel boleh dibuat menerusi borang cuti pelajar dan perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan Akademik.

6.0 KEBERSIHAN DAN KEMUDAHAN

- 6.1 Setiap pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keceriaan kampus politeknik.
- 6.2 Segala kemudahan yang disediakan hendaklah digunakan dengan penuh tanggungjawab, cermat, selamat tanpa sebarang pembaziran kuasa elektrik, bekalan air dan bahan-bahan yang digunakan.
- 6.3 Pelajar hendaklah menjaga atau memelihara semua kemudahan yang terdapat di PPD supaya kepentingan pelajar lain juga terpelihara.
- 6.4 Pelajar dipertanggungjawab untuk menentukan/ memastikan semua suis lampu/ kipas/ alat hawa dingin/ komputer/ mesin di matikan sebelum meninggalkan kelas/ bengkel/ makmal/dewan kuliah.
- 6.5 Sebarang kemudahan yang hendak digunakan perlu mendapat kelulusan dari pihak yang berkaitan terlebih dahulu.

7.0 VANDALISME / HARTA BENDA

Perbuatan merosakkan harta benda Politeknik Port Dickson seperti perabot, alat pemadam api, peralatan dalam bilik kamsis/ bilik kuliah/studio/makmal/bengkel atau **MENCONTENG DINDING**/ notis rasmi/ pekeliling rasmi atau **MENCONTENG** Kenderaan Rasmi Politeknik atau merosakkan tanaman di dalam kampus adalah menjadi suatu kesalahan tatatertib. Pelajar boleh dikenakan denda terus RM50.00 jika melanggar peraturan ini atau bersamaan nilai kerosakan atau kedua-duanya.

8.0 PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PERSATUAN/ BADAN/ PERTUBUHAN/ KUMPULAN DAN PARTI POLITIK

- 8.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan menjadi ahli mana-mana parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada Menteri atau wakil kuasanya.
- 8.2 Pelajar **TIDAK** dibenar menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang diharamkan.
- 8.3 Semua aktiviti pelajar yang hendak dijalankan di dalam dan di luar kampus hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 8.4 Penerbitan dan pengedaran sebarang dokumen atau risalah di dalam ataupun di luar kampus hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.

9.0 BAHAN-BAHAN LUCAH, DADAH, RACUN, MABUK DAN BERJUDI

- 9.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah, dadah, racun atau minuman keras.
- 9.2 Pelajar **TIDAK** dibenarkan melihat atau mendengar secara sengaja apa-apa bahan lucah di dalam atau diluar kampus.
- 9.3 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki, menyebarkan atau mempamerkan apa-apa bahan lucah untuk tujuan mendapat/ tanpa bayaran atau apa-apa balasan lain.
- 9.4 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa perkakas, alat, radas atau barang yang pada pendapat pihak berkuasa tatatertib adalah rekabentuk atau dimaksudkan untuk digunakan

bagi memakan atau meminum atau menghisap atau menyedut atau memasukkan ke dalam badannya dengan jalan cucuk atau dengan apa-apa jua cara lain apa-apa bentuk dadah atau racun.

9.5 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki, minum minuman yang memabukkan atau didapati dalam keadaan mabuk di dalam atau luar kampus.

9.6 Pelajar **TIDAK** dibenarkan mengurus, menganjur, atau menjalankan, atau menyertai apa-apa aktiviti perjudian atau pertaruhan di dalam atau di luar kampus.

10.0 GANGGUAN KETENTERAMAN

10.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan membuat bising, ketawa dengan kuat, bertempik, melaung-laung atau bercakap secara kurang sopan sama ada di bilik kuliah/ dewan kuliah/ bengkel/makmal/ studio lukisan/ perpustakaan/ pejabat pentadbiran atau berhampiran dengannya.

10.2 Pelajar **TIDAK** dibenar menimbulkan suasana kacau-bilau, huru-hara atau menghasut pelajar- pelajar menentang pihak berkuasa PPD.

10.3 Pelajar boleh menyuarakan segala rasa tidak puas hati melalui saluran tertentu seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) atau melalui peti cadangan atau saluran Hari Bertemu Pelanggan.

11.0 JEMPUTAN PENCERAMAH LUAR

Pelajar mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah sebelum menjemput pihak luar untuk memberi ceramah/ perbincangan kepada pelajar di dalam atau di luar PPD. Kebenaran ini tertakluk kepada had dan syarat yang ditetapkan.

KEBERSIHAN DI DALAM KAMPUS

21. Seseorang pelajar tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam kampus atau kebersihan atau kekemasan mana-mana asrama, dewan kuliah, jalan, taman atau kebersihan atau kekemasan mana-mana bahagian kampus lain atau kebersihan atau kekemasan mana-mana bangunan atau binaan lain di dalam kampus.

12.0 LARANGAN MEROKOK/ ROKOK ELEKTRONIK (VAPE)/ BERSAMAAN

Kawasan PPD adalah kawasan larangan merokok. Pelajar **DILARANG** memiliki, menyimpan dan menghisap rokok atau rokok elektronik di mana-mana kawasan kampus politeknik. Pelajar boleh dikenakan denda terus RM50.00 dan bahan yang dimaksudkan akan **DIRAMPAS** jika melanggar peraturan ini.

13.0 KESALAHAN–KESALAHAN YANG BOLEH MENAKIBATKAN PENGGANTUNGAN/ PEMBUANGAN PELAJAR DARI POLITEKNIK

Di antaranya;

- 13.1 Mencemar nama baik PPD, kakitangan atau pelajarnya sama ada di dalam atau di luar kampus politeknik dengan kelakuan, kata-kata atau tulisan menerusi apa jua bentuk media cetak mahupun elektronik.
- 13.2 Mengganggu atau menghalang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di PPD.
- 13.3 Merosak, mencacat (vandalisme) harta benda milik politeknik, kerajaan, awam atau orang perseorangan.
- 13.4 Mengganggu atau menghalang kakitangan atau pelajar PPD daripada menjalankan tugas yang rasmi.

- 13.5 Membuat, mengguna, mempamer, menampal dan memiliki panji-panji, poster, lambang dan lain-lain untuk tujuan menghasut pelajar lain melanggar tatatertib di dalam atau di luar kampus.
- 13.6 Menjalankan perniagaan/ perkhidmatan, kedai atau gerai di dalam kampus tanpa kebenaran bertulis daripada pihak PPD.
- 13.7 Membuat bantahan secara lisan atau bertulis mengenai sebarang keputusan pihak PPD tanpa melalui saluran yang ditetapkan.
- 13.8 Terlibat dengan perjudian atau pertaruhan.
- 13.9 Meminum, mengedar, menyimpan, menyorok atau membuat minuman keras/ bahan kimia yang memabukkan/ mengkhayalkan.
- 13.10 Berkeadaan mabuk kerana minuman atau sesuatu bahan yang diambil untuk memabukkan atau mengkhayalkan.
- 13.11 Menonton, memiliki, mendengar, menampal, mengedar, menyorok atau terlibat dengan pertunjukan bahan-bahan lucah.
- 13.12 Memberi atau menyebarkan maklumat palsu.
- 13.13 Mengingkari arahan sah pihak berkuasa tatatertib, pensyarah, pegawai atau kakitangan PPD yang diberi kuasa.
- 13.14 Memalsukan tanda tangan atau cop rasmi pihak berkuasa politeknik atau pihak lain yang terlibat dengan PPD.
- 13.15 Melakukan ugutan atau membuli pada bila-bila masa sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 13.16 Berkelakuan biadab dan angkuh terhadap mana-mana kakitangan atau pelajar PPD atau pihak lain dengan kelakuan, lisan atau tulisan.

- 13.17 Bergaduh, terlibat atau bersubahat dengan pergaduhan sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 13.18 Berkelakuan sumbang atau tidak sopan seperti bercumbu-cumbuan atau berkhawat atau membuat sebarang perilaku atau isyarat lucah sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 13.19 Melibatkan diri dengan kegiatan pelacuran atau aktiviti seks yang dilarang atau hamil atau melahirkan anak tanpa ikatan perkahwinan yang sah.
- 13.20 Melakukan penyambungan elektrik atau talian telefon atau penyambungan internet secara haram di mana-mana kawasan kampus.
- 13.21 Melibatkan diri dengan kegiatan mencuri, merompak, menyamun, memeras ugut dan menculik.
- 13.22 Memiliki, menyorok, menyimpan, mengedar, menjual dan mempamer senjata berbahaya seperti senjata api, senjata tajam, buku lima, kerambit dan lain-lain.
- 13.23 Dituduh oleh mahkamah terbabit atau disyaki melakukan kesalahan jenayah sivil atau jenayah syariah.
- 13.24 Terlibat dengan najis dadah seperti mengambil, mengedar, menyorok, menyimpan atau menjual.
- 13.25 Terlibat dengan pemboikotan/ pemulauan aktiviti sah PPD.
- 13.26 Terlibat dengan demonstrasi yang tidak dibenarkan di luar atau di dalam kampus PPD.
- 13.27 Menimbul/ menghasut isu perkauman, integrasi nasional untuk tujuan mewujudkan suasana tegang, perpecahan atau permusuhan.

13.28 Memungut atau cuba memungut wang dengan cara persendirian, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar.

13.29 Menganggotai atau memberi sokongan kepada kumpulan, badan, parti politik atau pertubuhan yang diharamkan oleh kerajaan.

14.0 BERKEMPEN

14.1 Sebarang kempen bagi tujuan apa jua sekali pun hendaklah mendapatkan kebenaran dari Pengarah.

14.2 Segala kempen boleh dikenakan had dan syarat oleh Pengarah.

15.0 AKTIVITI SOSIAL, PERHIMPUNAN, TAKLIMAT DAN CERAMAH

15.1 Semua pelajar yang berkenaan adalah dikehendaki menghadiri, mengikuti dan mengambil bahagian di dalam apa-apa perjumpaan, perhimpunan, ceramah, taklimat dan lain-lain aktiviti yang dianjurkan oleh pihak PPD.

15.2 Sebarang bentuk aktiviti sosial di kawasan PPD dan persekitarannya adalah **TIDAK** dibenarkan kecuali mendapat kebenaran bertulis Pengarah terlebih dahulu.

15.3 Semua pelajar **TIDAK** dibenarkan bergiat, berkecimpung, melibatkan diri atau memberi sokongan kepada mana-mana parti politik atau kumpulan haram.

15.4 Pelajar **DILARANG berdua-duaan** lelaki dan perempuan **BUKAN MAHRAM** dalam keadaan yang kurang sopan atau mencurigakan di mana-mana kawasan kampus (contoh: di kafeteria, dataran/ ruang pelajar, kompleks sukan, tempat duduk sekitar kampus, tasik, padang, bangunan akademik, dewan dan lain-lain) mahupun di luar politeknik. Jika didapati melanggar peraturan akan dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB** jika sabit kesalahan.

TEMPAT TINGGAL ATAU TEMPAT TIDUR DI KAMPUS

23. *Tiada seseorang pelajar boleh menggunakan atau menyebabkan digunakan mana-mana bahagian kampus atau mana-mana bahagian daripada mana-mana bangunan didalam kampus sebagai tempat tinggal atau tempat tidur, kecuali tempat yang disediakan baginya dalam asrama dalam Institusi.*

MEMASUKI BAHAGIAN LARANGAN KAMPUS ATAU BANGUNAN

24. *Seseorang pelajar tidak boleh memasuki mana-mana bahagian kampus atau mana-mana bahagian daripada bangunan di dalam kampus jika pelajar amnya atau pelajar atau golongan pelajar yang berkenaan, khususnya, adalah dilarang masuk kedalamnya.*

PELAJAR TIDAK BOLEH BERPINDAH BILIK TANPA MENDAPAT KEBENARAN TERLEBIH DAHULU

32. *Jika seseorang pelajar diuntukkan sebuah bilik untuk tempat tinggalnya oleh Institusi, ia tidak boleh menukar tempat tinggalnya ke mana-mana bilik lain tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu yang diberi oleh atau bagi pihak Warden.*

KUASA WARDEN UNTUK MEMBERI PERINTAH ATAU ARAHAN BERKENAAN DENGAN KETENTERAMAN DAN TATATERTIB

34. *Warden atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa olehnya boleh, dari semasa ke semasa memberi, secara lisan atau secara bertulis, apa-apa perintah atau arahan yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib dalam asrama, dan perintah atau arahan itu boleh pada amnya mengenai semua pelajar atau sesuatu golongan atau perihal pelajar atau seseorang pelajar tertentu, dan adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang mengenainya perintah atau arahan itu diberi mematuhi dan melaksanakannya.*

16.0 PERATURAN KAMSIS / ASRAMA

16.1 PENEMPATAN PELAJAR DI KAMSIS POLITEKNIK

- 16.1.1 Politeknik menyediakan kemudahan kamsis yang terhad kepada pelajaranya. Pelajar yang memohon dan ditawarkan tempat di kamsis akan ditempatkan sepertimana yang ditentukan oleh Pengarah.

- 16.1.2 Keputusan pemilihan bagi mendiami kamsis adalah **MUKTAMAD** dan pelajar **MESTI** patuh pada keputusan itu.
- 16.1.1 Pengarah mempunyai hak mutlak untuk memilih mana-mana pelajar atau orang perseorangan atau perkumpulan bagi mendiami kamsis politeknik.
- 16.1.2 Proses penempatan pelajar ke kamsis dibuat setiap semester. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh diperolehi di Pejabat Penyelia Asrama dan Laman Web PPD.
- 16.1.3 Pengarah boleh menarik balik tawaran tempat tinggal di kamsis atas sebab-sebab kepentingan PPD pada bila-bila masa.

16.2 BAYARAN

- 16.2.1 Yuran kamsis hendaklah dibayar sepenuhnya untuk sesuatu semester bagi tiap-tiap semester pengajian politeknik sepanjang penginapan di kamsis. Penghuni kamsis yang hendak meninggalkan kamsis pada pertengahan semester **TIDAK** akan dikembalikan wang yuran yang telah dibayar.
- 16.2.1 Bayaran untuk kad kamsis dibuat semasa pendaftaran kamsis. Bayaran lain/tambahan akan dikenakan untuk membuat kad kamsis kali kedua dan seterusnya.
- 16.2.2 Harta benda kamsis yang dirosakkan atau dihilangkan oleh penghuni/ sekumpulan penghuni hendaklah diganti oleh penghuni/ sekumpulan penghuni berkenaan dengan segera apabila diarahkan oleh Pengarah.
- 16.2.3 Kadar bayaran gantirugi adalah tertakluk kepada penetapan Pengarah.

16.3 TATATERTIB AM KAMSIS/ ASRAMA

- 16.3.1 Penghuni hendaklah memastikan semua peralatan dan perabot di dalam biliknya lengkap dan sempurna semasa mula menduduki bilik. Sebarang kekurangan atau kerosakan perlu dilaporkan kepada pihak pengurusan kamsis dengan segera.
- 16.3.2 Penghuni hendaklah berkelakuan baik serta berhemah tinggi dan hendaklah sentiasa memelihara suasana harmoni di kamsis.
- 16.3.3 Hanya penghuni yang berdaftar sahaja dibenarkan tinggal di bilik kamsis. Penghuni kamsis **TIDAK** dibenarkan memberi tumpangan penginapan kepada mana-mana pelajar lain, tetamu atau pelawat di mana-mana bilik kamsis.
- 16.3.4 Semua peralatan yang terdapat di bilik kamsis dan bangunan kamsis **TIDAK** boleh diubah kedudukannya atau diubahsuai tanpa kebenaran daripada Pengarah.
- 16.3.5 Kebersihan bilik adalah tanggungjawab penghuninya. Penggunaan cadar dan sarung bantal adalah **DIWAJIBKAN**.
- 16.3.6 Keselamatan harta benda penghuni adalah tanggungjawab sendiri. Bilik hendaklah sentiasa dikunci bagi tujuan keselamatan.
- 16.3.7 Bertukar bilik tanpa kebenaran daripada Pengarah adalah **TIDAK** dibenarkan.
- 16.3.8 Semua penghuni bertanggungjawab ke atas bilik, aras dan blok mereka secara berkumpulan.
- 16.3.9 Penghuni **TIDAK** dibenarkan membawa sebarang jenis senjata ke dalam kamsis.
- 16.3.10 Sebarang bentuk buli atau “ragging” **TIDAK** dibenarkan.
- 16.3.11 Pelajar lelaki **DILARANG** memasuki kawasan kamsis perempuan atau sebaliknya.
- 16.3.12 Seseorang penghuni **TIDAK** boleh melakukan sesuatu untuk menghalang atau menahan seseorang pegawai, pekerja atau wakil politeknik dari memasuki bilik penghuni itu untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipannya.
- 16.3.13 Pengarah boleh mengarah penghuni mengosongkan bilik kamsis atau berpindah ke bilik kamsis yang lain pada bila-bila masa.

- 16.3.14 Selepas jam 11.00 malam, penghuni kamsis perlu berada dalam bilik masing-masing. Tiada lagi aktiviti bersembang di dalam bilik rakan.
- 16.3.15 Penghuni **TIDAK** dibenarkan menghadiri atau mengelola apa-apa jenis perjumpaan atau perhimpunan di kawasan kamsis kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 16.3.16 Penghuni hendaklah sentiasa membawa kad pelajar/ kamsis kepunyaan sendiri semasa berada di kawasan kamsis.
- 16.3.17 Penggunaan peralatan elektrik di dalam bilik kamsis hendaklah dengan mendapat kebenaran pihak berkuasa kamsis terlebih dahulu. Penggunaan *extension wire*, radio, cakera padat, pemain kaset dan pembesar suara adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 16.3.18 Sebarang bentuk penyambungan/ pendawaian elektrik (wiring) di dalam kamsis adalah **DILARANG** sama sekali. Mana-mana penghuni yang melakukan penyambungan/ pendawaian elektrik adalah dianggap merosakkan harta benda atau bangunan politeknik dan pihak PPD berhak menuntut ganti rugi dan mengenakan tindakan tatatertib.
- 16.3.19 Penghuni **DILARANG** memasuki/ melalui kawasan kediaman kakitangan kecuali dengan kebenaran Pengarah.
- 16.3.20 Semua lampu bilik perlu dimatikan pada jam 11:00 malam dan hanya penggunaan lampu meja dibenarkan selepas itu.
- 16.3.21 Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah atau arahan yang difikirkan perlu dan sesuai untuk memelihara ketenteraman atau tatatertib di dalam kamsis.
- 16.3.22 Perbuatan merosakkan harta benda seperti perabot, alat pemadam api, peralatan dalam bilik kamsis atau **MENCONTENG DINDING**/ notis rasmi/ pekeliling rasmi atau **MENCONTENG** Kenderaan Rasmi Politeknik atau merosakkan tanaman di dalam kampus adalah menjadi suatu kesalahan tatatertib.

16.4 PERATURAN MENGOSONGKAN BILIK KAMSIS

- 16.4.1 Penghuni hendaklah mengosongkan biliknya apabila diarah, pada masa yang telah ditetapkan oleh pihak PPD.
- 16.4.2 Sebelum keluar, bilik hendaklah dibersihkan terlebih dahulu oleh penghuninya. Sekiranya berlaku kerosakan, kekotoran, pencemaran atau kehilangan peralatan serta kemudahannya, penghuni akan diminta membayar denda dan gantirugi.
- 16.4.3 Penghuni hendaklah memindahkan kesemua barang miliknya dari bilik. Sebarang peralatan dan barang-barang yang ditinggalkan disifatkan sebagai tidak diperlukan dan pihak kamsis boleh membuangnya. Pihak kamsis **TIDAK** akan menanggung sebarang tuntutan ganti rugi daripada tindakan yang telah di ambil.
- 16.4.4 Penghuni hendaklah menutup suis lampu, kipas, tingkap dan mengunci pintu sebelum meninggalkan bilik.
- 16.4.5 Kunci hendaklah **DISERAHKAN SENDIRI** ke Pejabat Penyelia Asrama selewat-lewatnya pada hari akhir mengosongkan atau notis pengosongan bilik pada waktu pejabat. Kegagalan menyerahkan kunci akan dikenakan tindakan notis denda terus dan kesalahan akan direkodkan dalam SPMP.

16.5 PERATURAN KELUAR MASUK HARIAN, Hujung Minggu dan Cuti Pendek

- 16.5.1 Setiap penghuni kamsis hendaklah **MELAPOR DIRI** dan perlu mengimbas kad pelajar ketika keluar dan masuk ke PPD di Pondok Pengawal.
- 16.5.2 Semua penghuni kamsis yang keluar dari kawasan kampus PPD atas urusan harian dikehendaki **MASUK** semula ke Politeknik mengikut ketetapan seperti berikut;
 - a. Isnin – Jumaat: Sebelum jam 07.00 malam
 - b. Sabtu, Ahad, Cuti umum: Sebelum jam 9.00 malam, permohonan lewat masuk ke kamsis boleh dimohon awal menerusi **SPMP** dan mestilah mendapat kelulusan Ketua Felo/ Felo sahaja.

- 16.5.3 Penghuni kamsis tidak dibenarkan keluar selepas jam 07.00 malam. Kebenaran keluar kamsis selepas waktu yang dibenarkan perlu mendapat kelulusan Ketua Felo atau wakil kuasanya.
- 16.5.4 Penghuni kamsis **TIDAK** dibenarkan bermalam di luar kamsis kecuali mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Felo. Penghuni **DIMESTIKAN** merekod maklumat yang dikehendaki di dalam SPMP dan melapor diri di Pondok Pengawal apabila kembali ke PPD.
- 16.5.5 Semua penghuni kamsis lelaki Muslim **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari Politeknik pada hari Jumaat sebelum jam 12.30 tengahari. Penghuni hanya **DIBENARKAN SEMULA** keluar dari kampus selepas jam 2.00 petang bagi menghormati solat jumaat yang diadakan di Pusat Islam PPD.

16.6 PERATURAN MENERIMA PELAWAT

- 16.6.1 Pelawat penghuni kamsis hendaklah dilayan di kafetaria dan kenderaan pelawat luar harus diletakkan di parkir Pusat Islam PPD sahaja.
- 16.6.2 Pelawat luar dikehendaki mengambil pas pelawat yang boleh diperolehi di Pondok Pengawal Keselamatan semasa memasuki kawasan PPD dan perlu mendapat pengesahan Penyelia Asrama/ Felo/ Pengawal Keselamatan sebelum keluar dari PPD.
- 16.6.3 Pelawat dikalangan pelajar PPD dikehendaki parkir kenderaan di tempat yang diuntukkan kepada pelajar sahaja. Kenderaan pelajar dibenarkan berada di kawasan kamsis dengan kebenaran Felo sahaja.

- 16.6.4 Masa melawat adalah seperti berikut (mengikut budi bicara Ketua Felo/Felo):

Pelawat luar:	Hari Kuliah/ Cuti Hujung Minggu/ Cuti Umum: 8.00 pagi hingga jam 7.00 petang
Pelawat Pelajar PPD:	Hari Kuliah/ Cuti Hujung Minggu/ Cuti Umum: 8.00 pagi hingga jam 7.00 petang

16.7 MEMASAK DAN MAKANAN

- 16.7.1 Penghuni kamsis **DILARANG** memasak di dalam bilik.
- 16.7.2 Penghuni **DILARANG** menggunakan pemanas air (immersion heater). Air panas boleh didapati kafeteria atau dari “water dispenser”.
- 16.7.3 Hanya bahan-bahan makanan yang **HALAL** di sisi Agama Islam sahaja yang dibenarkan dibawa masuk ke kamsis.
- 16.7.4 Penghuni **DILARANG** membawa makanan yang boleh meninggalkan sisa makanan yang boleh mengotorkan bilik atau yang menyebabkan kerosakan salur air dan elektrik, dan juga menimbulkan bau yang kurang menyenangkan penghuni lain.
- 16.7.5 Semua penghuni yang membeli makanan atau barangan selain daripada premis yang dibenarkan oleh pihak pengurusan PPD adalah bertanggungjawab ke atas dirinya sendiri.
- 16.7.6 Penghuni kamsis dibenarkan menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan, tempoh masa yang dibenarkan adalah bermula 7.00 pagi hingga 9.00 malam sahaja. *Pick Up Point* adalah di pondok wakaf berhadapan Pusat Islam.

16.8 PERATURAN BERPAKAIAN

- 16.8.1 Setiap penghuni yang masuk ke kafetaria hendaklah berpakaian kemas dan sesuai. Pakaian tidak menutup aurat/ tidak sopan, menjolok mata, seluar pendek, pakaian tidur atau baju singlet **TIDAK** dibenarkan di dalam kafetaria.
- 16.8.2 Pelajar lelaki **DILARANG** berkain pelekot/ sarong dalam kafetaria.
- 16.8.3 Pakaian **TIDAK** boleh disangkut pada tingkap atau tempat-tempat lain melainkan pada ampaian yang disediakan.
- 16.8.4 Pakaian hendaklah disimpan dalam almari yang telah disediakan.
- 16.8.5 Penghuni yang hendak menggosok pakaian mereka hendaklah berbuat demikian di bilik yang telah dikhaskan.
- 16.8.6 Penghuni adalah diwajibkan supaya berpakaian kemas dan tidak menjolok mata pada setiap masa di kawasan kamsis.
- 16.8.7 Memakai pakaian yang dianggap kurang sopan seperti seluar pendek, baju yang tidak berlengan atau pakaian yang bertulis kata-kata yang hina, logo parti politik atau mempunyai gambar atau lukisan yang tidak bersesuaian dengan budaya ketimuran **TIDAK** dibenarkan.
- 16.8.8 Bagi pelajar perempuan bukan beragama Islam, rambut mesti diikat kemas. Rambut yang mengerbang atau rambut yang beraneka fesyen/ berwarna adalah tidak dibenarkan.
- 16.8.9 Pelajar perempuan **TIDAK** digalakkan memakai barangan kemas. Pihak PPD tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan, kemalangan dan kecurian. Risiko kehilangan, kemalangan dan kecurian adalah tanggungjawab sendiri.
- 16.8.10 Pelajar lelaki **DILARANG** memakai sebarang perhiasan diri.
- 16.8.11 Pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan **TIDAK DIBENARKAN**.
- 16.8.12 Pemakaian seluar “jeans” dan bentuk/potongan menyerupai “jeans” **TIDAK DIBENARKAN**.

16.9 LARANGAN MEMELIHARA BINATANG

- 16.9.1 Penghuni **DILARANG** memelihara atau menternak apa-apa jenis binatang di dalam bilik atau kawasan kamsis.
- 16.9.2 Sebarang jenis binatang yang terlepas masuk ke kawasan kamsis hendaklah diserahkan atau dilaporkan kepada Felo.

16.10 BARANG RAMPASAN

- 16.10.1 Barang yang dikategorikan sebagai barang/ bahan larangan yang dirampas **TIDAK AKAN DIPULANGKAN** dan akan dilupuskan.
- 16.10.2 Barang yang tidak mendapat kebenaran/ kelulusan daripada pengurusan kamsis atau Ketua Felo akan dirampas.

16.11 IKLAN, NOTIS, MAKLUMAN, RISALAH DAN LAIN-LAIN

- 16.11.1 Iklan dan notis hanya boleh ditampal dengan kebenaran KJHEP sahaja di papan notis yang disediakan.
- 16.11.2 Semua iklan dan notis yang ditampal hendaklah ditanggalkan semula setelah tamat tempoh pemberitahuan.
- 16.11.3 Semua poster atau hiasan dinding bilik **TIDAK** boleh menggunakan paku kecuali alat penyangkut gambar atau “poster hanger” yang sesuai yang mana gamnya tidak merosakkan dinding.
- 16.11.4 Penghuni **DILARANG** mengotorkan dinding atau mana-mana bahagian bangunan kamsis dengan apa cara sekali pun.

16.12 KESELAMATAN HARTA BENDA

- 16.12.1 Untuk mengelakkan kecurian, penghuni hendaklah memastikan biliknya sentiasa dikunci.
- 16.12.2 Penghuni **TIDAK** digalakkan menyimpan wang yang berlebihan dan peralatan berharga di dalam bilik.
- 16.12.3 Keselamatan harta benda penghuni adalah tanggungjawab sendiri.
- 16.12.4 Kes kecurian hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Penyelia Asrama/ Felo.

16.13 LARANGAN BERNIAGA DI KAMSIS

- 16.13.1 Penghuni **TIDAK** dibenarkan berniaga di mana-mana kawasan kamsis dengan kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya.

16.14 KESELAMATAN, KEBAKARAN DAN BANTUAN KECEMASAN

- 16.14.1 Penghuni yang nampak punca api hendaklah bertindak dengan bijaksana untuk memadamkannya atau berhubung terus dengan felo atau Jabatan Bomba dan Penyelamat. Penghuni hendaklah keluar dari bilik dengan pantas dan berkumpul di satu tempat yang selamat.
- 16.14.2 Perkara-perkara yang menjadi punca kebakaran seperti penggunaan mancis, pemetik api, ubat nyamuk, pelita, lilin atau sebarang perbuatan yang boleh mengakibatkan kebakaran berlaku **TIDAK** dibenarkan.
- 16.14.3 Jika berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan, sila maklum Felo dengan kadar segera. Jika Felo tidak dapat dihubungi, hendaklah menghubungi mana-mana wakil aras blok, Penasihat Akademik atau pengawal keselamatan.

- 16.14.4 Jika penghuni sakit, rakan sebilik atau rakan searasnya bertanggungjawab melaporkannya kepada Felo dengan segera.
- 16.14.5 Pelajar yang menerima, mengetahui atau mengesyaki apa-apa jenis ancaman atau ugutan hendaklah melaporkan dengan segera kepada pihak berkaitan.

16.15 LALULINTAS DI KAWASAN KAMSIS

- 16.15.1 Penghuni kamsis serta pelajar luar **DILARANG membawa kenderaan** di dalam kawasan kamsis PPD (kecuali atas kebenaran pihak Pengurusan PPD/ Felo dengan mematuhi syarat yang ditetapkan).
- 16.15.2 Pelajar kamsis tidak dibenarkan membawa kenderaan atas faktor keselamatan, tindakan dikenakan notis denda terus akan dikenakan terhadap penghuni kamsis yang ingkar.
- 16.15.3 Kenderaan hendaklah dipandu TIDAK melebihi had laju yang ditetapkan di dalam kampus.
- 16.15.4 Berdua-duaan di dalam kereta dalam keadaan mencurigakan adalah TIDAK dibenarkan.
- 16.15.5 Bonceng berlainan jantina adalah TIDAK dibenarkan.
- 16.15.6 Pihak PPD tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kerosakan, kehilangan, kecurian atau perkara-perkara lain terhadap kenderaan pelajar yang meletakkan kenderaan di dalam kampus PPD.

16.16 TEMPAT-TEMPAT KEMUDAHAN

- 16.16.1 Penghuni kamsis hendaklah menggunakan semua tempat kemudahan dengan cermat dan bertanggungjawab.
- 16.16.2 Penghuni bagi sesuatu aras bagi sesuatu blok itu adalah bertanggungjawab ke atas kebersihan bilik air, laluan aras, bilik membasuh, tangga atau apa-apa sahaja tempat kemudahan bagi aras atau blok tersebut.
- 16.16.3 Penghuni yang menggunakan tempat kemudahan atau peralatan hendaklah sentiasa bersikap timbang rasa kepada mereka yang ingin menggunakan kemudahan tersebut atau kepada orang lain.

16.17 SURAT/ SURAT BERDAFTAR/ BUNGKUSAN

- 16.17.1 Surat/ surat berdaftar/ bungkusan mestilah mempunyai butiran lengkap (nama penuh, no bilik dan blok) dan akan ditempatkan di pusat penerimaan barangan pos iaitu di Koperasi PPD.
- 16.17.2 Surat berdaftar dan bungkusan adalah di bawah urusan pihak koperasi PPD.
- 16.17.3 Pelajar perlu mengambil surat berdaftar dan bungkusan pada pada masa yang telah ditetapkan dan akan dikenakan bayaran pengurusan.
- 16.17.4 Semua pertanyaan berkenaan dengan surat/ barangan hendaklah dibuat kepada pihak Koperasi PPD.
- 16.17.5 Pihak Pengurusan PPD tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan surat/ surat berdaftar/ bungkusan.

16.18 BERKEMPEN

- 16.18.1 Sebarang kempen bagi tujuan apa jua sekali pun hendaklah mendapatkan kebenaran dari Pengarah.
- 16.18.2 Jika dibenarkan oleh Pengarah untuk berkempen, Pengarah boleh mengenakan had dan syarat.

16.19 BILIK MANDI DAN BILIK BASUH PELAJAR

- 16.19.1 Penghuni kamsis adalah bertanggungjawab secara kumpulan ke atas kebersihan bilik mandi dan bilik basuh pelajar serta laluan aras masing-masing dan memastikan kebersihannya dijaga.
- 16.19.2 Pembaziran adalah ditegah dan penghuni hendaklah mempunyai rasa bertanggungjawab ke atas penggunaan air dan elektrik. Segala kerosakan atau kebocoran hendaklah dilaporkan segera kepada Pejabat Penyelia Asrama.
- 16.19.3 Penghuni kamsis TIDAK dibenarkan membuang sampah atau sebarang jenis bahan asing ke dalam tandas. Penghuni aras akan dipertanggungjawabkan ke atas kes-kes tersumbat yang disebabkan oleh kecuaiian atau salahguna oleh penghuni aras berkenaan.

16.20 AKTIVITI SOSIAL, PERHIMPUNAN, TAKLIMAT, KULIAH DAN CERAMAH

- 16.20.1 Penghuni kamsis yang berkenaan adalah WAJIB menghadiri, mengikuti dan mengambil bahagian di dalam apa-apa perjumpaan, perhimpunan, ceramah, taklimat dan lain-lain aktiviti yang dianjurkan oleh pihak berkuasa kamsis dan PPD.
- 16.20.2 Sebarang bentuk aktiviti sosial di kamsis dan persekitarannya adalah TIDAK dibenarkan kecuali mendapat kebenaran bertulis Pengarah terlebih dahulu.

- 16.20.3 Sebarang bentuk perhimpunan yang melebihi lima (5) orang di kamsis atau persekitarannya tanpa kebenaran pihak berkuasa kamsis TIDAK dibenarkan.
- 16.20.4 Sebarang bentuk ceramah atau apa jua kegiatan yang melibatkan kakitangan politeknik atau orang luar dari kamsis mestilah mendapat kebenaran Pengarah.
- 16.20.5 Sebarang perlakuan pelajar PPD yang boleh mencemarkan nama baik politeknik adalah DILARANG.
- 16.20.6 Penghuni kamsis TIDAK dibenarkan bergiat, berkecimpung, melibatkan diri atau memberi sokongan kepada mana-mana parti politik atau kumpulan haram.
- 16.20.7 Pelajar yang berdua-duaan dalam keadaan yang kurang sopan dan mencurigakan dengan pelajar atau orang luar di mana-mana kawasan kampus PPD adalah DILARANG.

16.21 KAWASAN LARANGAN

- 16.21.1 Kawasan kamsis pelajar perempuan adalah kawasan larangan kepada pelajar atau pelawat lelaki dan sebaliknya.
- 16.21.2 Sebarang bentuk perbincangan yang berhubung dengan hal-hal akademik atau aktiviti ko-kurikulum di antara pelajar lelaki dan perempuan secara berkumpulan perlu dibuat dalam keadaan yang sopan dan tidak mencurigakan di kafetaria atau mana-mana tempat yang disediakan sahaja sehingga jam 11.00 malam.
- 16.21.3 Pelajar-pelajar hanya dibenarkan masuk ke Pejabat Felo dan Pejabat Penyelia Asrama atas urusan rasmi sahaja.
- 16.21.4 Pelajar TIDAK dibenarkan naik ke mana-mana kawasan bumbung kamsis atau masuk ke dalam mana-mana bilik pengagihan elektrik atau mana-mana bilik di kawasan kamsis yang diisytihar atau ditanda sebagai kawasan larangan tanpa kebenaran pihak berkuasa kamsis.

- 16.21.5 Kawasan pentadbiran dan akademik adalah kawasan larangan mulai jam 07.00 malam kecuali dengan kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya.
- 16.21.6 Kawasan kafeteria yang meliputi kaunter pengurusan dan dapur adalah kawasan larangan bagi semua pelajar.
- 16.21.7 Semua penghuni kamsis DILARANG memasuki/ melalui kawasan kediaman Kakitangan PPD.
- 16.21.8 Kawasan kamsis/ kawasan parkir di kafeteria/ kawasan parkir Pusat Islam adalah kawasan larangan kenderaan pelajar.

16.22 SOLAT/ BERPUASA

- 16.22.1 Pelajar muslim DIGALAKKAN menunaikan solat fardhu secara berjemaah di Pusat Islam PPD
- 16.22.2 Pelajar muslim WAJIB menunaikan solat fardhu Jumaat di Pusat Islam PPD.
- 16.22.3 Khusus di bulan Ramadhan, semua pelajar muslim WAJIB berpuasa dan digalakkan menunaikan solat Terawih secara berjemaah di Pusat Islam PPD.

16.23 RIADAH

- 16.23.1 Semua kegiatan sukan hendaklah bermula selepas waktu solat Asar dan hendaklah berakhir 30 minit sebelum waktu solat Maghrib.
- 16.23.2 Pakaian bersukan seperti baju 'T-Shirt' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah, tidak ketat, mencolok mata atau melambangkan mana-mana parti politik TIDAK DIBENARKAN.
- 16.23.3 Bagi pelajar muslim WAJIB memakai pakaian sukan yang mematuhi hukum syara'.
- 16.23.4 Aktiviti sukan hanya boleh dijalankan di dalam kawasan yang ditetapkan.

17.0 PERATURAN PELAJAR LUAR KAMSIS

- 17.1 Pelajar mestilah mematuhi semua Peraturan Am Politeknik termasuk Akta 174 yang berkuatkuasa sepanjang tempoh pengajian/ kursus/ latihan di politeknik.
- 17.2 Felo Kediaman Luar boleh dirujuk bagi tujuan keselamatan, kecemasan dan masalah-masalah lain.
- 17.3 Pelajar yang menetap/ menyewa di luar kawasan kampus mestilah berkelakuan baik, berhemah tinggi dan sentiasa memelihara suasana harmoni di kawasan sekeliling rumahnya.
- 17.4 Sebarang bunyi-bunyian seperti radio / televisyen/ gitar yang dipasang/ dimainkan hanya sekadar boleh didengar dalam rumah sahaja dan tidak mengganggu jiran-jiran sebelah/ sekeliling.
- 17.5 Kebersihan dan keselamatan harta benda adalah tanggungjawab bersama penghuni rumah tersebut.
- 17.6 Pelajar lelaki dan pelajar perempuan TIDAK dibenarkan tinggal serumah.
- 17.7 Pelajar lelaki DILARANG memasuki/ berada dalam kawasan rumah pelajar perempuan dan begitu juga sebaliknya.
- 17.8 Pelajar tidak DILARANG berkumpul di luar kawasan rumah.
- 17.9 Pelajar TIDAK dibenarkan mempamerkan simbol atau bendera mana-mana parti politik di kawasan rumahnya.
- 17.10 Pelajar tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Politeknik dan Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Penduduk Setempat.

18.0 PANDUAN PENGGUNAAN KENDERAAN DAN PERATURAN LALULINTAS

18.1 KENDERAAN RASMI POLITEKNIK

- 18.1.1 Pelajar boleh menggunakan kenderaan politeknik bagi tujuan rasmi dengan menguruskan (dimohon oleh pensyarah/ penasihat program) dan mestilah mendapat kelulusan daripada Pengarah.
- 18.1.2 Sebarang penggunaan kenderaan politeknik hendaklah disertai oleh Pegawai Pengiring yang terdiri daripada pensyarah/ staf politeknik.
- 18.1.3. Pengguna kenderaan politeknik adalah dikehendaki menepati masa, menjaga kebersihan dan kemudahan yang terdapat dalam kenderaan serta menjaga disiplin dan tingkah laku.

18.2 KENDERAAN PERSENDIRIAN

- 18.2.1 Semua kenderaan persendirian yang ingin dibawa ke dalam kampus perlu membuat permohonan kelulusan terlebih dahulu oleh pelajar pada setiap semester menerusi SPMP.
- 18.2.2 Pelekat kenderaan yang dikeluarkan oleh JHEP WAJIB dipamerkan di bahagian depan sebelah kiri cermin kenderaan atau di tempat yang mudah dilihat.
- 18.2.3 Kenderaan pelajar perlu diletakkan di ruang tempat letak kereta yang telah diuntukkan sahaja.
- 18.2.4 Pelajar DILARANG membawa/ memandu kenderaan ke kawasan kamsis melainkan mendapat kebenaran oleh JHEP/ Felo.
- 18.2.5 Pelajar DILARANG membawa kenderaan melebihi had yang dibenarkan atau di kawasan larangan. Halaju maksimum dalam kampus ialah 30km/j.
- 18.2.6 Pelajar yang membawa penumpang (kereta) yang berbeza jantina (bukan mahram) perlu menjaga adab kesopanan serta hindari persepsi negatif dari pemerhatian orang sekeliling.

- 18.2.7 **Pelajar berlainan jantina TIDAK DIBENARKAN membonceng motosikal.**
- 18.2.7 Pelajar yang mendapat kebenaran bertulis untuk memandu kenderaan dalam kampus perlu mematuhi peraturan yang berikut:
- a) Mempunyai lesen memandu, cukai jalan dan insurans kenderaan yang sah.
 - b) Mematuhi had laju (30km/jam) dan papan tanda jalan/pandu arah yang ditetapkan oleh politeknik.
 - c) Kenderaan tidak mengeluarkan bunyi bising yang kuat atau yang diubahsuai
 - d) Memakai topi keledar semasa menunggang/ membonceng motosikal
 - e) Mematuhi peraturan dan undang-undang bertulis keselamatan jalan raya seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
 - f) Sentiasa parkir kenderaan di tempat yang diuntukkan sahaja.
 - g) Tidak memasuki/ membawa/ meletakkan kenderaan di kawasan kamsis.
 - h) Sentiasa bersedia untuk menghadapi sekatan pihak berkuasa seperti JPJ dan PDRM bagi semakan lesen memandu, insurans dan kenderaan di dalam kampus. Pihak Politeknik tidak bertanggungjawab sekiranya pemilik kenderaan dikenakan kompaun atas kesalahan yang dilakukan.
- 18.2.8 Pelajar yang melanggar peraturan lalulintas boleh didenda lalulintas RM100.00 jika melanggar peraturan ini.
- 18.2.9 Kenderaan pelajar yang memasuki/ meletakkan kenderaan di dalam kawasan kampus adalah tanggungjawab sendiri. Pihak pengurusan PPD tidak akan bertanggungjawab ke atas kerosakan, kehilangan, kemusnahan kenderaan yang diparkir dalam kawasan kampus PPD.

19.0 PERATURAN PERPUSTAKAAN

19.1 ARAHAN AM PERPUSTAKAAN

- 19.1.1 **DILARANG** bercakap kuat serta membuat bising sehingga boleh mengganggu pengguna-pengguna lain.
- 19.1.2 **DILARANG** makan, minum, tidur atau membuat sesuatu yang akan menjejaskan suasana pembelajaran di perpustakaan.
- 19.1.3 **DILARANG** menconteng, mengoyak, merosak atau memusnahkan mana-mana buku, majalah atau apa-apa bahan cetak kepunyaan Perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan pada bahan tersebut.
- 19.1.4 **DILARANG** menconteng, mengoyak, merosak atau memusnahkan mana-mana harta kepunyaan Perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan pada barang tersebut.
- 19.1.5 **DILARANG** mengguna telefon mudah alih.
- 19.1.6 Pengguna-pengguna mestilah mematuhi peraturan-peraturan mengenai bilangan buku-buku yang boleh dipinjam dan bertanggungjawab ke atas pemulangan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 19.1.7 Peminjam bertanggungjawab ke atas bahan-bahan yang dipinjam. Bagi bahan-bahan yang dihilangkan, peminjam akan dikenakan bayaran harga semasa sebagai kos gantian bahan tersebut. Dalam kes-kes di mana gantian tidak mungkin, Pustakawan akan menentukan harga gantian kes demi kes.
- 19.1.8 Kerosakan buku, pengguna akan dikenakan bayaran denda yang ditetapkan oleh politeknik.
- 19.1.9 **DILARANG** membawa **masuk beg ke dalam perpustakaan** kecuali dengan kebenaran pegawai bertugas.
- 19.1.10 Pengguna hendaklah berpakaian yang sesuai mengikut Peraturan Am Politeknik.
- 19.1.11 Barang berharga iaitu dompet, telefon bimbit dan sebagainya jangan di simpan di rak simpanan pelajar, jika berlaku kehilangan dan sebagainya ianya bukan tanggungjawab perpustakaan.

19.2 PINJAMAN BUKU PERPUSTAKAAN

19.2.1 Syarat-syarat pinjaman

- i. Peminjam mestilah ahli berdaftar iaitu telah mengisi borang yang disediakan di kaunter ataupun mengimbas kod QR dan mengisi secara online.
- ii. Pelajar dinasihatkan supaya tidak meminjamkan buku yang dipinjam kepada rakan lain (mengelakkan kehilangan buku)
- iii. Pelajar juga dinasihatkan supaya tidak membawa pulang buku perpustakaan ke kampung (semasa bercuti dan cuti semester).

19.2.2 Denda

Denda akan dikenakan kepada pengguna yang tidak mematuhi tarikh pulang pinjaman

- i. Bagi semua pengguna denda akan dikenakan sebanyak 10 sen sehari bagi Rak Terbuka-OS dan Pinjaman Kelompok, manakala bagi koleksi Red Spot-RS pengguna akan dikenakan denda sebanyak 20 sen sehari
- ii. Bagi bahan yang hilang, pengguna dikehendaki membayar 2 kali ganda harga bahan tersebut berserta RM15 wang proses.
- iii. Bagi bahan AV/CDROM denda lewat dikenakan sebanyak 20 sen sehari. Manakala bahan AV yang hilang, bayaran sebanyak 2 kali ganda bahan tersebut berserta RM15 wang proses dikenakan.

19.2.3 Keselamatan barang berharga iaitu dompet, telefon bimbit dan sebagainya jangan di simpan di rak simpanan pelajar, jika berlaku kehilangan dan sebagainya iainya bukan tanggungjawab perpustakaan.

20. HAL-HAL LAIN

- 20.1 Pelajar TIDAK boleh terlibat dalam apa-apa pekerjaan, perniagaan, perdagangan atau aktiviti lain, sama ada sepenuh atau separuh masa, yang pada pendapat Pengarah adalah tidak diingini.
- 20.2 Pelajar PPD dikehendaki sentiasa menjaga nama baik dan imej Politeknik sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 20.3 Pelajar digalakkan menggunakan peti cadangan yang disediakan untuk memberi cadangan. Penggunaan media sosial sebagai medium untuk menjejaskan imej/ nama baik Politeknik adalah DILARANG dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- 20.4 Pelajar yang bukan penghuni asrama TIDAK dibenarkan berada di asrama lelaki atau perempuan atau menggunakan segala kemudahan yang terdapat di asrama kecuali kafeteria atau Pusat Islam.
- 20.5 Pelajar juga tertakluk kepada Peraturan dan Undang-Undang Khas Peperiksaan, bengkel, makmal, perpustakaan, asrama dan lain-lain yang telah dan akan dikeluarkan oleh PPD dari semasa ke semasa.
- 20.6 Bangunan akademik dan pentadbiran adalah kawasan larangan selepas waktu kuliah/ pejabat kecuali mendapat kebenaran dari pihak jabatan akademik dan pengurusan PPD.
- 20.7 Pelajar kamsis WAJIB meninggalkan kad pelajar di pondok pengawal bagi tujuan rekod masuk dan keluar dari kampus.
- 20.8 Pelajar yang tidak menjelaskan denda kesalahan atau tidak akur kepada arahan untuk hadir ke JHEP atas laporan kesalahan yang dilakukan, rekod kesalahan mereka di dalam SPMP akan kekal berstatus aktif (belum selesai) sehinggalah perkara-perkara yang berkaitan diselesaikan.

- 20.9 Pengarah boleh dari masa ke semasa membatalkan atau menambah mana-mana bahagian atau keseluruhan peraturan ini tertakluk kepada pindaan.

21.0 PEMATUHAN SOP KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

- 21.1 Pemakaian pelitup muka (*mask*) dikawasan terbuka adalah digalakkan.
- 21.2 Memakai pelitup muka (*mask*) semasa berada di dalam kawasan tertutup.
- 21.3 Kerap cuci tangan anda. Pemakaian cecair sanitasi (*Hand Sanitizer*) adalah digalakkan.
- 21.4 Sentiasa menjaga penjarakan fizikal semasa berada di kafeteria, bilik basuh dan bilik mandi.
- 21.5 Membuat Ujian Kendiri (RTK-Ag) sekiranya mempunyai gejala seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak.
- 21.6 Segera melaporkan kepada felo bertugas sekiranya positif selepas anda membuat Ujian Kendiri (RTK-Ag).
- 21.7 Penghuni yang dijangkiti (positif C-19), perlu kemaskini MySejahtera dan kuarantin sendiri (*HSO*) di blok kuarantin.
- 21.8 Penghuni tidak dibenarkan memasuki atau lalu di kawasan isolasi dan kuarantin (kawasan berpagar merah putih).
- 21.9 Penghuni yang diarahkan untuk berpindah ke blok kuarantin perlu patuh dan bertindak dengan kadar segera.

- 21.10 Penghuni tidak dibenarkan keluar dari kawasan isolasi dan perlu patuh dengan SOP sepanjang tempoh kuarantin.
- 21.11 Sekiranya penghuni kamsis melanggar peraturan yang dinyatakan diatas, saman kesalahan boleh dikenakan dengan jumlah kompaun denda yang maksimum.

22.0 PERATURAN AM PEMILIK BASIKAL



Gambar Rajah 3: PolyPD Bike Sharing

22.1 **Menunggang basikal di atas koridor dan dalam bangunan**

Tiada seseorang pelajar boleh menunggang basikal diatas koridor, beranda, kaki lima, halaman berkepong atau dalam mana-mana bahagian daripada mana-mana bangunan.

22.2 **Meletak kenderaan secara menghalang**

22.2.1.1 Tiada seseorang pelajar boleh meletakkan basikal di mana-mana tempat atau dengan apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan atau kesusahan kepada mana-mana orang atau kenderaan lain.

22.2.1.2 Basikal pelajar tidak dibenarkan berada di dalam bilik kuliah/dewan/kafeteria/kantin atau mana-mana bangunan yang tidak sesuai.

22.3 Menggunakan ruang letak kereta

Tiada seseorang pelajar boleh meletakkan basikal di dalam ruang letak kereta di mana-mana kawasan di dalam kampus.

22.4 Membonceng

22.4.1 Atas faktor keselamatan, seseorang pelajar yang menunggang basikal tidak boleh membawa orang di atas basikal yang dinaiki itu.

22.4.2 Jika orang itu duduk tercelapak di belakang penunggang basikal, suatu tempat duduk yang direka bentuk dengan sempurna perlu dipasang kepada basikal itu dengan kukuh.

22.5 Arahan dan tanda lalu lintas hendaklah dipatuhi

Seseorang pelajar hendaklah mematuhi semua arahan lalu lintas dan semua tanda lalu lintas.

22.6 Menghalang perjalanan lalu lintas

22.6.1 Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan dengan apa-apa cara atau melakukan apa-apa perbuatan, yang menghalang atau mengganggu pergerakan lalu lintas yang licin dan teratur di dalam kampus.

22.6.2 Menunggang basikal secara beriringan yang mengganggu lalulintas adalah dilarang.

22.7 Tanggungjawab atas harta benda sendiri

Pemilik basikal perlu mematuhi semua peraturan yang ditetapkan dan pihak politeknik tidak bertanggungjawab terhadap kerosakan atau kehilangan harta benda pemilik basikal.

23.0 PELANGGARAN PERATURAN

Mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan ini boleh dikenakan tindakan berikut:

- 23.1 Tindakan secara pentadbiran sebagaimana yang ditentukan oleh politeknik.
- 23.2 Kaedah-kaedah tatatertib mengikut mana-mana yang berkenaan [(Kaedah 48, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174)].

“HUKUMAN TATATERTIB”


Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib boleh dikenakan mana-mana satu daripada hukuman - hukuman yang berikut atau mana-mana dua atau lebih hukuman-hukuman itu disatukan sekali:

- a) amaran;
- b) denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit (RM500.00);
- c) penggantungan daripada menggunakan apa-apa atau kesemua kemudahan-kemudahan Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- d) penggantungan daripada mengikuti kursus pengajian di Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- e) penghalangan daripada menduduki sebahagian atau keseluruhan peperiksaan di Institusi;
- f) penyingkiran daripada mana-mana bahagian Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- g) pembuangan daripada Institusi, “oleh pihak berkuasa tatatertib”.

24.0 PEMBAYARAN DENDA

- 22.1 Pelajar yang dikenakan denda hendaklah membuat bayaran di Unit Kewangan PPD dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh notis denda dikeluarkan.
- 22.2 Resit pembayaran denda perlu dikemukakan oleh pelajar kepada Pegawai Hal Ehwal Pelajar dalam tempoh 3 hari bekerja selepas pembayaran denda.
- 22.3 Pelajar yang tidak membayar denda dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan penggantungan pengajian mengikut Kaedah 64 Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174) sehingga denda itu dibayar.

e ISBN 978-967-2897-69-9



9 7 8 9 6 7 2 8 9 7 6 9 9

PANDUAN & BUKU
PERATURAN AM PELAJAR
POLITEKNIK PORT DICKSON